

PIAGAM UNIT AUDIT DALAM UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

1.0 PENGENALAN

Unit Audit Dalam Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) ditubuhkan pada 25 Februari 2007 selaras **Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998**.

2.0 PERANAN

Unit Audit Dalam berperanan memberi jaminan, rundingan dan melaksanakan pemantauan bagi memperkemaskan serta memperkukuhkan pelaksanaan peraturan dan prosedur berkaitan dengan pengurusan universiti.

3.0 PROFESIONALISMA

Unit Audit Dalam UniSZA melaksanakan pengauditan secara profesional berpandukan:-

- a) Garis panduan yang dikeluarkan oleh Institut Juruaudit Dalam Malaysia (IIAM) termasuk definisi Audit Dalam, Kod Etika dan *International Standards for the Professional Practice Of Internal Auditing (Standards)*;
- b) Manual Audit Dalam UniSZA; dan
- c) Polisi dan Prosedur UniSZA.

4.0 KUASA

Unit Audit Dalam UniSZA diberi kuasa penuh, bebas dan tidak terbatas untuk memperolehi atau memeriksa semua rekod UniSZA, harta fizikal dan kakitangan UniSZA dalam melaksanakan kerja-kerja pengauditan. Semua kakitangan yang terlibat perlulah memberi kerjasama kepada Unit Audit Dalam UniSZA dalam memenuhi tugas tanggungjawab sebagai kakitangan UniSZA.

5.0 ORGANISASI

Unit Audit Dalam secara fungsinya akan melapor kepada Jawatankuasa Audit, Risiko dan Strategik UniSZA (JKARS UniSZA). Dari segi pentadbiran seperti kewangan dan sumber manusia, Unit Audit Dalam UniSZA akan melaporkan kepada Naib Canselor UniSZA.

6.0 BADAN BEBAS

Pelaksanaan aktiviti Unit Audit Dalam UniSZA adalah sentiasa bebas daripada pengaruh mana-mana pihak dalam menentukan pemilihan tajuk audit, skop, prosedur, kekerapan, tempoh atau kandungan laporan audit bagi mengekalkan kebebasan yang diperlukan.

Pegawai-pegawai Unit Audit Dalam UniSZA tidak boleh dipertanggungjawabkan secara langsung bagi sebarang aktiviti yang boleh diaudit. Sehubungan itu, Pegawai-pegawai Audit Dalam tidak akan terlibat dalam proses mewujudkan kawalan dalaman, menyediakan prosedur, membangunkan sistem, menyediakan rekod-rekod atau terlibat dengan sebarang aktiviti yang mungkin menjejaskan penilaian Audit Dalam.

Juruaudit Dalam mesti menunjukkan keobjektifan profesional pada tahap yang paling tinggi dalam mengumpul, menilai dan menyampaikan maklumat mengenai aktiviti atau proses yang telah diaudit. Juruaudit Dalam perlu membuat penilaian yang seimbang dalam semua keadaan dan tidak boleh dipengaruhi oleh kepentingan mereka sendiri atau orang lain dalam membuat penilaian.

7.0 TANGGUNGJAWAB

Unit Audit Dalam UniSZA bertanggungjawab menjalankan Audit Pengurusan Kewangan Dan Audit Prestasi.

Audit Pengurusan Kewangan merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada Kawalan Pengurusan, Bajet, Terimaan, Perolehan, Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit, Perbelanjaan, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman dan Penyata Kewangan telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.

Audit Prestasi pula merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

Unit Audit Dalam UniSZA bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas berdasarkan **Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998** seperti berikut :-

- a) Mengkaji semula organisasi dalam tempoh tertentu untuk mengetahui sama ada fungsi perancangan, penyeliaan, arahan dan pengawalan berdasarkan dasar, arahan, dan peraturan pengurusan telah dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan objektif dan amalan pengurusan yang baik;
- b) Menentukan kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengawasan operasi;
- c) Mengkaji ketepatan dan kesahihan maklumat kewangan dan mengenalpasti cara untuk mengukur, menklasifikasikan dan melaporkan maklumat tersebut;
- d) Mengkaji sistem sedia ada untuk memastikan ianya selaras dengan dasar dan peraturan terutamanya bidang yang mempunyai kesan terhadap operasi serta menentukan sama ada organisasi mematuhi. Jika perlu, mencadangkan dasar yang sesuai;
- e) Mengkaji cara yang sesuai untuk melindungi aset dan mengesahkan kewujudan aset tersebut;
- f) Menilai faedah dan keberkesanan penggunaan sumber yang ada, mengenalpasti peluang untuk meningkat penggunaan sumber serta mencadangkan cara untuk mengatasi masalah yang berkaitan;
- g) Mengkaji perjalanan organisasi dan pelaksanaan program untuk memastikan sama ada hasilnya selaras dengan objektif yang telah ditentukan, dan sama ada ianya telah dilaksanakan seperti mana yang dirancang;
- h) Menyelaras tugas Unit Audit Dalam UniSZA dengan Audit Luar;
- i) Bersama-sama merancang, merekabentuk, membangun, melaksanakan sistem pengurusan berasaskan teknologi terutama dari aspek :
 - i. Ciri-ciri kawalan;
 - ii. Ciri-ciri ketepatan; dan
 - iii. Keupayaan merekod dokumentasi, supaya sistem yang dimajukan ini dapat membantu universiti mencapai matlamatnya.

- j) Mengemukakan Jadual Kerja Auditan Tahunan kepada Naib Canselor UniSZA dan JKARS UniSZA untuk dipertimbangkan dan kelulusan;
- k) Menyediakan penilaian risiko secara berkala bagi tujuan penyediaan Jadual Kerja Auditan Tahunan;
- l) Melaporkan kepada Pihak Pengurusan mengenai sesiapa yang sepatutnya mengambil tindakan di atas sesuatu teguran audit;
- m) Melaporkan kakitangan yang didapati melakukan penyelewengan;
- n) Memastikan setiap perancangan dan tindakan yang dibuat oleh Badan Berkanun telah mengambil kira pandangan audit sebelumnya;
- o) Menilai semua rancangan dan tindakan yang telah diambil selaras dengan teguran audit mengenainya;
- p) Mengemukakan Laporan setiap suku tahun kepada JKARS UniSZA yang meliputi perkara berikut :
 - i. Tindakan susulan yang telah diambil di atas penemuan audit yang penting;
 - ii. Peningkatan keberkesanan dan kelicinan operasi, hasil daripada tindakan audit;
 - iii. Perancangan kerja audit; dan
 - iv. Halangan yang dihadapi dalam melaksanakan kerja-kerja audit.

8.0 FUNGSI UTAMA JAWATANKUASA AUDIT (Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998)

- a) Mengkaji keperluan Unit Audit Dalam termasuk piagamnya;
- b) Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem pengawalan dari dalam;
- c) Mengkaji perancangan aktiviti audit oleh Unit Audit Dalam yang meliputi skop kerja, jadual, keanggotaan, serta penyelarasan di antara Juruaudit Dalam dan luar;
- d) Mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalam dan Luar dan memperakukan tindakan susulan yang perlu kepada Lembaga Pengarah;
- e) Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung dengan penyata kewangan, prospektus dan laporan-laporan kewangan lain yang dikeluarkan;

- f) Mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif di atas aktiviti yang tertakluk kepada audit dan perkara lain yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah;
- g) Mengesan pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah serta tatakelakuan pegawai/kakitangan dan mengambil daya usaha menyiasat sebarang pertelingkahan yang berlaku dalam Badan Berkanun yang berkenaan;
- h) Memastikan bahawa Badan Berkanun sentiasa mengubahsuai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan ikhtisas yang berlaku dalam bidang perakaunan seperti pengisytiharan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa;
- i) Melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa; dan
- j) Melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai kakitangan yang didapati telah melakukan sebarang penyelewengan untuk tindakan yang sesuai.

9.0 RANCANGAN AUDIT TAHUNAN

Ketua Audit Dalam akan mengemukakan Rancangan Audit Tahunan kepada Naib Canselor UniSZA dan JKARS UniSZA untuk pertimbangan dan kelulusan.

10.0 LAPORAN DAN PEMANTAUAN

Laporan Audit Dalam akan disediakan dan dikeluarkan oleh Ketua Audit Dalam selepas selesai pengauditan. Laporan Audit Dalam akan dibentangkan kepada JKARS UniSZA serta dikemukakan kepada Naib Canselor UniSZA dan auditi terlibat.

11.0 PROGRAM JAMINAN KUALITI DAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Audit Dalam akan melaksanakan Program Jaminan Kualiti dan Penambahbaikan Berterusan meliputi semua aspek Audit Dalam.

Program ini merangkumi pematuhan Unit Audit Dalam UniSZA kepada standard dan penilaian sama ada kod etika dipatuhi oleh juruaudit.

Audit Dalam bertanggungjawab melaporkan keputusan program ini kepada Naib Canselor UniSZA dan JKARS UniSZA.

12.0 PENILAIAN BERKALA

Ketua Audit Dalam bertanggungjawab membuat penilaian berkala ke atas perkara yang dinyatakan di dalam Piagam dan melaporkan kepada Naib Canselor UniSZA dan JKARS UniSZA.

.....
Encik Abdul Hadi bin Nayan
Ketua
Unit Audit Dalam
Universiti Sultan Zainal Abidin

Tarikh:

.....
Puan Roslinda binti Ulang
Pengerusi
Jawatankuasa Audit, Risiko dan
Strategik
Universiti Sultan Zainal Abidin

Tarikh: